

02 NOV 1999

Sains

PUSAT SAINS NEGARA JADI DESTINASI PELANCONGAN, KATA LAW

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bercadang menjadikan Pusat Sains Negara (NSC) sebagai satu daripada destinasi pelancongan, kata menteri berkenaan Datuk Law Hieng Ding.

Beliau berkata kementerian akan berkerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mempromosikan NSC sebagai destinasi menarik untuk dikunjungi.

Katanya kerjasama itu akan menjadikan NSC tempat tumpuan yang mempunyai pelbagai koleksi dan artifak berkaitan perkembangan sains dan teknologi negara ini.

"Antara langkah yang kami ambil ialah dengan menyelitkan risalah berkenaan pusat ini bersama-sama dengan risalah pelancongan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan Anugerah Kualiti kementerian itu di sini, hari ini.

Pusat Sains Negara dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada November 1996. Ia dilengkapi dengan sistem penguasaan bersepadu dan mempunyai dua aras ruang galeri pameran dengan keluasan 6,717 meter persegi, sebuah pusat multimedia, sebuah makmal sains am, tiga bengkel dan sebuah auditorium.

Mengulas mengenai dakwaan sesetengah pihak yang mempertikaikan peruntukan penjagaan alam sekitar yang dikatakan kurang, Law berkata orang ramai mungkin salah faham berhubung perkara itu.

Mengikut Belanjawan 1999, peruntukan pemulihan alam sekitar hanya RM11 juta daripada sejumlah peruntukan RM260 untuk kementerian itu, tetapi bagi Belanjawan 2000 sebanyak RM15 juta diperuntukan untuk tujuan itu, katanya.

Beliau berkata sebenarnya ada pertambahan sebanyak RM4 juta bagi pemulihan alam sekitar dan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam hal ehwal alam sekitar.

--BERNAMA

JAY NAK